

# Skwad Pahang usah lupa sumbangan Dollah Salleh

**P**ahang berjaya mempertahankan Piala Malaysia untuk kali kedua berturut-turut dengan kemenangan penalti

5-3 ke atas Johor Darul Takzim (JDT) selepas kedudukan terikat 2-2 sehingga perlawanan berlanjutan ke masa tambahan.

Sudah pasti kehadiran penyerang berbisu, Dickson Nwakaeme yang pandai mengawal bola adalah tunjang kemenangan Pahang selain dibantu pemain lain yang berjaya mengatasi masalah bermain dengan 10 orang hampir sejam sebelum menang penentuan sepakan penalti.

Bagi JDT, semua pemainnya juga sudah mencuba habis-habisan, tetapi nasib tidak menyebelahi mereka apabila dua cubaan terkena tiang gol ketika perlawanan berlangsung selain kegagalan Norshahrul Idran Talaha menyempurnakan sepakan penalti.

Pada masa sama, skuad Pahang jangan sesekali lupa dengan sumbangan Dollah Salleh yang menaikkan semula prestasi pasukan itu ketika merudum satu ketika dahulu selepas kali terakhir menjuarai Piala Malaysia pada tahun 2006.

## Pelajari rahsia kejurulatihan

Jurulatih Pahang, Zainal Abidin Hassan yang merasai kejayaan menggondol piala untuk kali ke-4 dalam masa setahun bersama skuad Pahang kali ini tentu banyak mempelajari rahsia kejurulatihan dengan Dollah Salleh ketika mula menjadi pembantu jurulatih Pahang pada tahun 2011 sehingga menjadi ketua jurulatih



**Dollah Salleh**



*Kepandaian Dickson Nwakaeme mengawal bola tunjang kemenangan Pahang pada Piala Malaysia 2014.*

semula pada tahun ini.

Mungkin inilah ramuan Dollah Salleh yang diwariskan kepada Zainal Abidin yang menerapkan corak permainan sayap kiri dan kanan. Jika kita mengimbuai kembali perjalanan kebangkitan skuad Pahang bermula tahun 2009 hingga 2012, Dollah Salleh diberi kepercayaan untuk membentuk semula pasukan Pahang selepas tersingkir ke Liga Perdana.

Beliau akhirnya membuktikan langkah awal dengan membawa pasukan Pahang naib juara Liga Perdana pada tahun 2012 sekali gus membawa skuad Pahang ber-

**“  
Kita jangan lupa,  
Dollah Salleh  
mengambil masa tiga  
tahun lebih untuk  
membentuk skuad  
Pahang. Oleh itu,  
penilaian yang cepat  
untuk menilai  
prestasi kebangsaan  
ketika ini adalah  
tidak wajar”**

aksi ke Liga Super untuk musim hadapannya.

## Bawa Pahang Juara Piala Malaysia 2013

Tidak cukup dengan itu, beliau juga berjaya membawa skuad Pahang juara Piala Malaysia 2013, piala yang dinanti-nantikan selama 11 tahun sejak memenangnya pada tahun 1992 dan membuat keputusan untuk berpindah selepas diintai skuad PDRM.

Bersama skuad PDRM, sekali lagi beliau membuktikan kebolehannya dengan membawa PDRM juara liga perdana pada

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**

tahun 2014. Yang menariknya, PDRM berjaya menamatkan kejuaraan liga dengan hanya satu kekalahan saja.

Situasi sekarang, skuad kebangsaan di bawah bimbingannya dilihat masih dalam keadaan terumbang-ambing berdasarkan perlawanan persahabatan sebelum ini.

Tetapi; kita jangan lupa, Dollah Salleh mengambil masa tiga tahun lebih untuk membentuk skuad Pahang. Oleh itu, penilaian yang cepat untuk menilai prestasi kebangsaan ketika ini adalah tidak wajar. Kesudahannya, yang mungkin akan sedikit terjawab kepada skuad kebangsaan ialah prestasinya pada Piala AFF Suzuki tidak lama lagi.

Apapun, tahniah kepada Pahang kerana mempertahankan Piala Malaysia di bawah penguasaan Zainal Abidin dan kita harap Dollah Salleh juga akan membuktikan pemilihannya adalah tepat sebagai jurulatih kebangsaan.

**Muhammad Azlan  
Ahmad Nazri,**  
USIM